

21 FEB 1997

Genting-Lancar

PM LANCAR SISTEM KERETA KABEL TERKINI GENTING

GENTING HIGHLANDS, 21 Feb (Bernama) -- Genting Highlands, pusat peranginan tanah tinggi terkemuka di negara ini, dijangka dikunjungi lebih ramai pengunjung dengan pelancaran sistem kereta monokabel oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad petang ini.

`Genting Skyway' yang dikatakan sistem kereta monokabel terpantas di dunia dijangka akan mengurangkan kesesakan lalulintas pergi dan balik ke kawasan peranginan itu terutama semasa musim puncak.

Kira-kira sembilan juta orang mengunjungi Genting Highlands tahun lepas.

Sistem kereta kabel itu yang boleh membawa 2,000 orang setiap jam bagi satu-satu laluan menghubungkan Gohtong Jaya ke Hotel Highlands, hotel terbaru pusat peranginan itu yang terletak pada ketinggian 2,000m atas paras laut.

Perjalanan sepanjang 3.38km itu hanya mengambil masa 11 minit berbanding perjalanan dengan bas 25 hingga 35 minit.

Selepas melancarkan Genting Skyway, Dr Mahathir dijadual menyaksikan penyerahan rasmi perkhidmatan bomba dan tanggungjawab menyelamat di Genting Highlands kepada kerajaan. Ini termasuk menyerahkan Stesen Bomba Genting Highlands kepada pihak berkuasa.

Kumpulan Genting akan menyumbangkan dua tangga berputar kereta bomba dengan ketinggian 53m dan sistem pancutan air dengan harga berjumlah RM8 juta.

Kereta bomba pertama dijadual sampai dari Jerman pada April sementara yang kedua pada Disember tahun ini.

Dr Mahathir juga akan melancarkan Hotel Highlands yang mempunyai 888 bilik menjadikan jumlah hotel di pusat peranginan itu sebanyak lima buah.

Pembinaan hotel berharga RM439 juta itu bermula pada akhir 1993.

-- BERNAMA

AZZ RON AKD